

26/11/1999

Masyarakat Cina tetap mahukan BN

SERDANG, Khamis - Masyarakat Cina menyokong kerajaan Barisan Nasional (BN) kerana sedar BN berusaha sedaya upaya mempertahankan kedaulatan dan kemakmuran negara, kata Menteri Besar Datuk Seri Dr Abu Hassan Omar.

Beliau berkata, masyarakat Cina juga sedar usaha kerajaan memulihkan ekonomi negara menguntungkan mereka.

"Mereka sedar hanya BN yang boleh menjamin kemakmuran dan keselamatan negara dan rakyat," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Stadium Tertutup Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) di sini, hari ini.

Abu Hassan berkata, hakikat ini terbukti apabila masyarakat Cina serta dewan perniagaan mereka menyatakan sokongan terbuka kepada kepimpinan Pengerusi BN, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Malah, katanya, mereka sekali lagi menunjukkan sokongan padu kepada Dr Mahathir pada majlis Perhimpunan Rakyat Bersama Perdana Menteri di Bandar Sunway semalam.

Mengenai kempen pilihan raya BN Selangor, Abu Hassan berkata beliau berpuas hati dengan perjalanan jentera pilihan raya di seluruh negeri yang semakin rancak menjelang empat hari sebelum hari pengundian.

Katanya, usaha akan terus ditingkatkan bagi memastikan kemenangan BN walaupun gabungan itu memenangi semua 17 kerusi Parlimen dan 45 daripada 48 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) pada pilihan raya umum lalu.

Menurutnya, kawasan yang dikenal pasti sebagai kawasan putih akan diputihkan lagi manakala kawasan kelabu dan hitam akan turut diputihkan.

"Semalam saya mengadakan perbincangan dengan semua calon yang bertanding dan daripada taklimat yang disampaikan, saya amat berpuas hati dengan segala persiapan," katanya.

(END)